KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	29/11/2021 (ISNIN)	MUKA SURAT	:	21
JABATAN	:	PERHILITAN			

HM 29.11.2021_21

Tiga jam pindah gajah jantan tersesat

Rompin: Tempoh tiga jam diambil bagi memindahkan gajah jantan yang tersesat di kawasan perumahan nelayan Sungai Puteri di sini untuk dipindahkan ke Taman Negara Terengganu, semalam.

Operasi pemindahan itu bermula jam 9 pagi dilakukan sepasukan 24 anggota Unit Tangkapan Gajah (UTG) Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan (PKGK) Kuala Gandah, Lanchang.

Mereka turut dibantu anggota UTG Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Pahang dan dua gajah denak iaitu Kasturi serta Cheri.

Ketua PKGK Kuala Gandah, Che Ku Mohd Zamzuri Chik Wan Ab Rahman berkata, operasi memindahkan gajah berusia antara 15 hingga 20 tahun itu dengan berat 1.5 tan berjalan lancar.

Katanya, gajah yang mempunyai sepasang gading itu dipercayai keluar dari kawasan habitat untuk mencari makan dan terpisah daripada kumpulannya.

Katanya, haiwan terbabit dipercayai sebelum ini menghuni Hutan Simpan Lesong di sini, dan keluar masuk ke Hutan Simpan Menchali sebelum tersesat ke kawasan perumahan nelayan itu.

"Operasi itu berjalan lancar tanpa masalah terutama apabila kedudukan gajah liar berada dalam hutan kecil dan hampir dengan jalan utama dalam kawasan perumahan terbabit.

"Gajah denak iaitu Kasturi dan Cheri hanya perlu menarik gajah liar berkenaan kira-kira 100 meter untuk naik ke atas lori," katanya.

Turut memantau operasi memindahkan gajah jantan berkenaan ialah Pengarah Perhilitan Pahang, Rozidan Md Yasin.


Che Ku Mohd Zamzuri berkata, pihaknya memindahkan gajah terbabit ke hutan Taman Negara Terengganu.

Katanya, pihaknya memandang serius kehadiran gajah di kawasan perumahan nelayan Sungai Puteri kerana ia boleh mengancam keselamatan penduduk.

"Dalam tempoh 11 bulan tahun ini, kami menangkap dan memindahkan 72 gajah di Semenanjung termasuk 14 di Pahang," katanya.

Sementara itu, Ketua Kampung Perumahan Nelayan Sungai Puteri Rosly Abd Mutalib, 44, berkata, penduduk bersyukur dengan kejayaan PKGK Kuala Gandah menangkap gajah yang muncul di penempatan mereka.

"Terima kasih PKGK Kuala Gandah dan Perhilitan yang bersusah payah menangkap dan memindahkan gajah jantan berkenaan. Penduduk kampung memberi nama Awang Roma kepada gajah itu," katanya.



OPERASI memindahkan gajah jantan (kiri) dibantu gajah denak Cheri.